



RUU355

Di mana hala tuju Malaysia?

APA ITU RUU355?

Akta 355 merupakan akta bagi meminda Seksyen 2 di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1995. Ahli Parlimen Marang, Datuk Hj Abdul Hadi Awang mencadangkan untuk meminda Akta 355 untuk meningkatkan hukuman sedia ada seperti berikut :

USUL AKTA PINDAAN YANG TELAH DIBENTANG

3 TAHUN
PENJARA

30 TAHUN
PENJARA

RM5000
DENDA

RM100,000
DENDA

6 KALI
SEBATAN

100 KALI
SEBATAN

*pindaan ini memberi kuasa dan kebebasan kepada mahkamah syariah setiap negeri untuk menjatuhkan hukuman maksima untuk kesalahan jenayah syariah yang dilakukan tanpa garis panduan yang jelas.



HANYA TAFSIRAN MANUSIA

TIDAK ADIL

Akta 355 hanyalah rang undang-undang ciptaan hasil daripada tafsiran manusia.

Hukuman yang dikenakan oleh mahkamah syariah tidak selaras kerana ia tertakluk mengikut Mahkamah Syariah Negeri.

Tahukah anda, Mahkamah Syariah lebih banyak menguruskan hal-hal berkenaan Undang-undang Keluarga Islam?

Peratus Kes Tertangguh di Mahkamah Syariah 2016

72%

LEBIH SATU TAHUN

21%

1 - 5 TAHUN

7%

6 - 10 TAHUN

*berdasarkan Statistik Telenisa 2016

KELEMAHAN SISTEM SEDIA ADA

Kelemahan sistem sedia ada dalam perlaksanaan hukuman akan memberi impak jangka masa panjang kepada rakyat dan memburukkan institusi Mahkamah Syariah.

MELIBATKAN SEMUA RAKYAT MALAYSIA

Akta yang akan digubal akan sedikit sebanyak memberi impak dan kesan kepada semua rakyat tidak kira bangsa dan agama.

SEBAGAI SEORANG MUSLIM, ADAKAH SAYA WAJIB MENYOKONG RUU355?

Tidak benar. Pindaan ini hanya tertumpu kepada aspek hukuman, tanpa menyelesaikan masalah sistemik di mahkamah syariah, contohnya pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam yang masih bermasalah.



Rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang agama berhak menyuarakan bantahan kerana RUU355 adalah pindaan kepada prosedur yang akan memberi kesan kepada kepentingan awam.

APA KATA RAKYAT MALAYSIA?



Pada pendapat saya, isu macam agama bila kita tengok 10-20 tahun dulu semua orang boleh duduk bersama tanpa masalah. Cuma bila isu-isu macam politik dibangkitkan, masalah mungkin timbul.

(Ridza, 42 tahun)

It's easy to say that RUU355 does not concern the non-muslim but what about cases in Syariah courts where non-muslim life has been affected like Indira Ghandi or Subashini? In a multi-racial society, we as Malaysian should think collectively as to what is the best for our society.

(Nadia & Yoyo, 28 & 32 tahun)



If we use Islam as our guiding principle and if we value the Islamic principles, we should think about the context of what is Islamic. We need to think about our priority as a society. What really matter for us as Malaysians?

(Azzad, 34 tahun)

ANDA PULA BAGAIMANA?

